

29 AUG 1998

JENTERA BN DIINGAT FAHAMI TUJUAN LAWATAN PM KE SELURUH NEGARA

KUALA TERENGGANU, 29 Ogos (Bernama) -- Semua jentera parti Barisan Nasional (BN) terutamanya Umno diingatkan supaya memahami lebih mendalam maksud lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke seluruh negara baru-baru ini, kata Ketua Penerangan Umno Datuk Dr Yusof Nor hari ini.

Beliau berkata lawatan itu juga mengingatkan semua anggota parti komponen BN agar sentiasa bersedia untuk menghadapi pilihan raya walaupun tarikh sebenarnya belum diumumkan lagi.

"Semua anggota BN harus bersiap sedia dan tidak semestinya menunggu sehingga tarikh pilihan raya diumumkan terutamanya anggota Umno yang harus menjadi pelopor kepada pemulihan kegawatan sekarang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perayaan Hari Ko-Kurikulum Konvokesyen Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (Kusza) ke-14 di sini.

Selain itu, pimpinan parti juga telah menekankan kepada semua anggota supaya mempertingkatkan kesedaran berpolitik kerana cabaran pada masa ini semakin kuat, kata beliau.

"Oleh itu semua anggota Umno perlu juga menjadi pelopor dalam menyokong semua langkah dan tindakan kerajaan terutama tindakan yang dilakukan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN)," katanya.

-- BERNAMA

SBS AKD